

# Pihak kuil akhirnya setuju pindah 50 meter dari lokasi asal

**KUALA LUMPUR** - Isu berhubung tapak Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Jalan Masjid India di sini akhirnya selesai apabila pihak pengurusan kuil berkenaan bersetuju untuk rumah ibadat berkenaan dipindahkan ke lokasi baharu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, hasil rundingan antara pelbagai pihak termasuk pengurusan kuil, kerajaan telah mengenal pasti tapak baharu berkeluasan 4,000 kaki persegi, terletak kira-kira 50 meter dari lokasi asal bagi tujuan penempatan semula kuil berkenaan.

"Keluasan tapak ini setara dengan saiz kuil sedia ada. Tapak ini merupakan sebahagian Lot PT 95, Seksyen 40, Mukim Bandar Kuala Lumpur.

"Pembangunan tapak baharu ini tertakluk kepada syarat-syarat pembangunan yang berkuat kuasa dan pihak kuil juga bersetuju dengan perkara ini," katanya dalam sidang akhbar di sini.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif, Setiausaha Jawatankuasa kuil berkenaan, Kaarthik Gunaseelan, Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan

dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri R Ramanan.

Zaliha berkata, kerajaan juga mengulangi jaminan bahawa tiada sebarang perobohan akan dilakukan terhadap struktur kuil sedia ada.

Kuil itu katanya, akan terus dibenarkan beroperasi seperti biasa sehingga proses penempatan semula selesai sepenuhnya dalam suasana harmoni.

Beliau berkata, dalam masa yang sama, kerajaan ingin menegaskan bahawa penyelesaian ini adalah khusus bagi kes ini sahaja dan tidak boleh dijadikan kes rujukan (*precedent case*) bagi rumah ibadat lain.

Dr Zaliha berkata, setiap isu melibatkan rumah ibadat akan dinilai secara individu berdasarkan garis panduan, kedudukan tanah dan peraturan yang berkuat kuasa.